

11 NOV 2003

HALUSI PENCALONAN PENERIMA PINGAT KEBESARAN, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta pihak yang bertanggungjawab mencalonkan nama penerima pingat kebesaran supaya memperhalusi proses itu bagi menentukan penerimanya hanya terdiri mereka yang benar-benar layak.

Perdana Menteri bagaimanapun mengakui bahawa pemberian pingat kebesaran menjadi hak mutlak Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja.

"Yang pentingnya kita mesti pastikan supaya mereka yang hendak kita cadangkan kepada Agong atau raja-raja, mereka ini terdiri daripada orang yang telah benar-benar berjasa, telah membuat sesuatu yang baik yang kerananya mereka boleh diberikan bintang kehormatan di atas jasa-jasa mereka," katanya.

Mengulas laporan berhubung bilangan penerima anugerah kebesaran terutamanya "Datuk" yang terlalu banyak, beliau berkata: "Pihak yang membuat perakuan itu kena halusi dalam membuat pertimbangan."

Abdullah, yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian pada sidang berita selepas menghabiskan hari pertama beliau di Kompleks Kementerian Kewangan setelah mengambil alih jawatan berkenaan dan tugas Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara 31 Okt lepas.

Perdana Menteri turut menegur individu yang sanggup "melobi" pihak tertentu supaya dikurniakan pingat kebesaran sedangkan mereka tidak pernah menyumbang apa-apa kepada mana-mana negeri.

"Itu yang kadang-kadang menyusahkan," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI